

30/04/2002

Linggi letak jawatan Setiausaha BN Sarawak

KUCHING, Isnin - Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Sarawak, Datuk Amar Leonard Linggi Jugah mengemukakan surat peletakan jawatan yang disandangnya selama 15 tahun sejak 1987.

Surat peletakan jawatan berkuat kuasa 22 April lalu sudah dihantar kepada Pengerusi BN Sarawak dan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Sarawak (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud, manakala salinannya kepada Pengerusi BN Pusat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain jawatan berkenaan, Linggi, 62, turut melepaskan jawatan Setiausaha Agung PBB, parti tulang belakang BN negeri yang disandangnya selama 26 tahun sejak 1975.

Ketika dihubungi Berita Harian, di sini, hari ini, Linggi mengesahkan sudah menghantar surat peletakan kedua-dua jawatan berkenaan.

"Saya tidak perlu menunggu jawapan daripada Dr Mahathir dan Abdul Taib berhubung keputusan itu.

"Bagi saya, tempoh 15 tahun menjadi Setiausaha Agung BN negeri dan 26 tahun sebagai Setiausaha Agung PBB sudah mencukupi dan tindakan ini adalah mengotakan janji kepada delegasi Perhimpunan Agung PBB lalu bahawa saya akan melepas-kan jawatan ini," katanya.

Linggi berkata keputusan itu bukan kerana desakan mana-mana pihak, sebaliknya untuk memberi laluan kepada muka baru, sesuai dengan keperluan dan kehendak Sarawak masa kini dan akan datang.

Sementara itu, kenyataan akhbar yang ditandatangani turut diedarkan kepada media massa di sini hari ini, berhubung peletakan jawatan itu.

(END)